

Tatacara Akses EduZone

Terdapat pelbagai medium yang boleh dijadikan rujukan untuk mempelajari ilmu asas percukaian, antaranya termasuklah menerusi portal rasmi HASiL atau apa-apa sahaja sumber maklumat yang terbukti kesahihannya di Internet. Menerusi platform EduZone di www.hasil.gov.my, anda boleh mendapatkan risalah dan artikel berkaitan dengan percukaian.

Tatacara Akses EduZone



01 CAPAIAN INTERNET

Pastikan anda mempunyai peranti seperti komputer, komputer riba (laptop) atau telefon pintar yang mempunyai sambungan internet.



03 EDUZONE *EduZone* Berbantu Pendidikan Percukaian Anda

Cari menu Eduzone di Portal Rasmi HASiL. Menu EduZone boleh ditemui di bahagian atas sebelah kanan. Klik menu tersebut untuk melihat perkhidmatan di EduZone.




02 LAMAN WEB HASiL

Layari Portal Rasmi HASiL di alamat berikut:
www.hasil.gov.my

hasil.gov.my

04 PERKHIDMATAN

Di bawah menu EduZone, anda boleh mengakses perkhidmatan yang telah disediakan, termasuklah risalah cukai, video manfaat cukai, slaid atau poster percukaian serta banyak lagi info-info cukai.



JABATAN KHIDMAT KORPORAT FINE POINTS

Sumber: Poster LHDNM

Selain itu, rujukan juga boleh dibuat menerusi platform media sosial rasmi HASiL dan portal firma percukaian bertauliah yang pakar dalam bidang percukaian. Pastikan anda merujuk maklumat yang tepat dan diiktiraf supaya tidak tersimpang daripada ilmu percukaian yang sepatutnya.

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia



Sekiranya anda mempunyai kemusykilan mengenai cukai, hubungi HASiL untuk mendapatkan maklum balas dan khidmat nasihat.

Pusat Panggilan HASiL, iaitu HASiL Care Line boleh dihubungi melalui talian 03-89111000 atau 603-89111100 (luar negara) pada setiap hari dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Sumber: Poster LHDNM